



[General](#)

Subjek Perniagaan dan Ekonomi UMPSA dalam kelompok 300 terbaik dunia

27 January 2025

PEKAN, 22 Januari 2024 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdulah (UMPSA) terus cemerlang apabila empat subjek universiti ini tersenarai dalam kelompok terbaik dunia dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subjects 2025* yang diumumkan baru-baru ini.

Lebih membanggakan apabila buat pertama kalinya subjek Perniagaan dan Ekonomi (*Business and Economics*) tersenarai dalam kelompok 251–300 terbaik dunia.

Turut tersenarai subjek Sains Fizikal (*Physical Sciences*) di tangga 501–600, Sains Komputer (*Computer Sciences*) di tangga 601–800 dan Kejuruteraan (*Engineering*) juga berada di kedudukan 601–800 terbaik dunia.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr. Yatimah Alias, sebagai sebuah universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN), UMPSA dilihat sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa.

"Pencapaian ini menggambarkan usaha berterusan UMPSA untuk terus merealisasikan aspirasi kecemerlangan yang dicapai menerusi pemerksaan akademik, pengantarabangsaan dan hasil penyelidikan berimpak serta menghasilkan graduan cemerlang untuk menjadi modal insan berkualiti dalam memacu pembangunan negara.

"Penarafan ini menilai pengajaran, persekitaran penyelidikan, kualiti penyelidikan, industri dan pandangan antarabangsa.

"Universiti menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi yang berupaya memperkaya ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) termaju di negara ini," ujarnya.

Tambah beliau lagi, program kerjasama ijazah dual dengan *Karlsruhe University of Applied Science (HKA)*, Jerman yang masuk ke tahun ke-15 dilihat sebagai tanda aras terbaik kepada universiti di Malaysia.

Pihaknya menghargai dedikasi dan komitmen seluruh warga universiti terutama bakat akademik dan penyelidikan dalam memupuk kecemerlangan seiring dengan Pelan Strategik UMPSA 2021-2025.

Sehingga kini, UMPSA merupakan satu-satunya universiti awam ((UA) yang telah melaksanakan 11 program ijazah dual dengan kerjasama rakan strategik, Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) dan Mannheim University of Applied Sciences (HMA) Jerman, Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Tianjian University, China, Kazakh National Agrarian Research University (KazNARU), Kazakhstan dan yang terkini dengan Hanyang University Erica Campus Korea Selatan.

Kecemerlangan penarafan bagi subjek Perniagaan dan Ekonomi ini pula disokong oleh pendekatan holistik yang menggabungkan program akademik serta penyelidikan berdasarkan pengurusan dan elemen teknikal.

Pendekatan ini bukan sahaja memperkuuh kedudukan UMPSA sebagai sebuah institusi teknikal unggul, malah menyerlahkan kebolehannya dalam memperkayakan elemen pengurusan strategik

yang selari dengan keperluan industri global dan perkembangan semasa.

Selain itu, program Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Industri (FPI) telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila memperoleh akreditasi penuh daripada *Project Management Institute, Global Accreditation Center (PMI GAC)*.

Pengiktirafan ini menjadi bukti kukuh terhadap komitmen UMPSA dalam menyediakan program berkualiti tinggi yang memenuhi piawaian global, seterusnya memperkuatkan daya saing graduan di peringkat antarabangsa.

Tambahan pula, pengiktirafan antarabangsa turut diraih oleh lain-lain program seperti *Master of Business Administration* yang diiktiraf oleh *The Alliance on Business Education and Scholarship for Tomorrow, A 21st Century Organization (ABEST21)* dan *Bachelor of Business Analytics with Honours* yang diiktiraf oleh Institute of Analytics (IOA UK), memperlihatkan lagi reputasi akademik UMPSA di peringkat antarabangsa.

UMPSA juga mempunyai Sekolah Pengajian Siswazah dalam Ekosistem TVET pertama di Malaysia, dikenali sebagai *Graduate Engineering & Technological Business School (GET-BS)*.

Institusi ini mengintegrasikan elemen teknologi, kejuruteraan, pengurusan, dan perniagaan dalam usahanya melahirkan pemimpin perniagaan masa hadapan yang mampu memacu transformasi teknologi secara inovatif tanpa mengabaikan matlamat kelestarian dan tanggungjawab sosial.

Disediakan Oleh: Naqiah Puaad, Pusat Komunikasi Korporat

- 181 views

[View PDF](#)